



JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

BULETIN KHAS DOSM

Menangani Covid-19 di Malaysia

DOSM/BK/SEKTORAL/6.2020/SIRI 8

Buletin Khas DOSM (BKD) yang disediakan ini adalah berdasarkan kepada kompilasi DOSM Intelligence Stats (DIS) bagi tujuan input kepada stakeholders dan agensi utama, pada setiap hari di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). DIS disediakan oleh pejabat DOSM Negeri dan juga Bahagian Butiran Perkara di Ibu Pejabat berdasarkan kajian ringkas berkaitan dengan perkembangan semasa dan kesannya kepada struktur sosial dan ekonomi di Malaysia.

BKD edisi kali ini merangkumi Kajian kes impak Movement Control Order (MCO) bagi industri terpilih di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, dan Sarawak.

Penafian:

Artikel dalam buletin khas ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan buletin ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

IMPAK COVID-19 DI MALAYSIA


Penularan COVID-19 di hampir keseluruhan negara di dunia dijangka akan mengambil masa yang lama untuk pulih.

- Malaysia telah menguatkuaskan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara sebagai langkah untuk membendung penularan wabak ini.
- Menyebabkan banyak aktiviti ekonomi yang telah terkesan lantaran perintah kawalan ini.

Justeru, buletin ini adalah hasil kajian lapangan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) terhadap aktiviti ekonomi bagi negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, dan Sarawak.

Sarawak

1. Sektor Perkhidmatan
2. Sektor Pembinaan
3. Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)
4. Industri perkayuan, perkilangan papan dan aktiviti perladangan hutan



Negeri Sembilan

1. Sektor Perkhidmatan
2. Sektor Pembuatan

Melaka

1. Sektor Pembuatan

Johor

1. Sektor Perkhidmatan
2. Sektor Pembuatan
3. Sektor Pembinaan

SEKTOR PERKHIDMATAN




RESTORAN

- Prestasi hasil menurun sebanyak **25%** dan dijangka terus merosot kepada **30%** sekiranya MCO dilanjutkan.



JUALAN RUNCIT BARANGAN PLASTIK, CERMIN MATA DAN ALATAN TELEKOMUNIKASI

Prestasi hasil Jualan menurun **80% - 85%** pada suku tahun pertama 2020 kerana kurangnya permintaan.



JOHOR

SEMUA SEKTOR

- Masih mengekalkan pekerja dan gaji dibayar



PERKHIDMATAN PEMBAIKAN PA SYSTEM, REPAIR & SUPPLY BARANGAN ELEKTRIK

- Prestasi hasil syarikat dijangka menurun sebanyak **90%** kerana tiada permintaan daripada pelanggan.



PERKHIDMATAN KLINIK

- Penurunan hasil sehingga **75%** kerana bilangan pesakit yang berkurangan.
- Pengusaha masih boleh bertahan dalam tempoh **3 bulan** sekiranya tempoh MCO berlanjutan.



PERKHIDMATAN PENGURUSAN PERNIAGAAN

- Prestasi hasil Syarikat dijangka menurun sebanyak **35%** pada suku pertama 2020 dan dijangka akan terus merosot kepada **30%** akibat lanjutan MCO.



PENGURUSAN LAIN


- Prestasi hasil dijangka akan mengalami penurunan sebanyak **70%** pada Mac 2020 dan dijangka terus merosot sehingga Jun.



PERKHIDMATAN PERUNDINGAN

- Tidak beroperasi semasa MCO dan tetap perlu membayar kos tetap seperti sewa premis dan kos pekerja.
- Syarikat tidak mampu bertahan sekiranya tempoh MCO dilanjutkan lebih panjang. Hasil pada suku pertama tahun 2020 adalah RM15,000.


SEKTOR PEMBUATAN



JOHOR



PENGILANGAN BERAS
Prestasi syarikat dijangka meningkat 10%.



PEMBUATAN MAKANAN
Hasil syarikat ini dijangka akan menurun sebanyak 20%.

PEMBUATAN MINYAK KELAPA SAWIT

Syarikat masih beroperasi dan hasil dijangkakan tidak terjejas dengan lanjutan MCO.



PEMBINAAN



- Prestasi pendapatan syarikat dijangka menurun sebanyak 25% pada suku pertama tahun 2020.
- Syarikat menjangkakan penurunan pendapatan kepada 48% pada suku tahun berikutnya lanjutan MCO.

PEMBUATAN

PEMBUATAN PESAWAT DAN KAPAL ANGKASA DAN JENTERA BERKAITAN

- Penurunan pengeluaran sebanyak 50% - 60% sepanjang tempoh MCO ini kerana negara pengimpor dan pembekal bahan mentah turut melaksanakan MCO.



PEMBUATAN KOMPONEN DAN PAPAN ELEKTRONIK

- Menjangkakan pengurangan nilai pengeluaran sebanyak 40% - 45% disebabkan pemberhentian operasi pengeluaran sewaktu MCO. Daripada 13,139 pekerja, 78.6% diberi cuti rehat.

SEKTOR PEMBUATAN



NEGERI SEMBILAN

PEMBUATAN PRODUK LOGAM



Nilai jualan berkurangan sehingga 40%.

- Pengeluaran produk pada bulan Februari & pertengahan Mac tidak dapat dikeluarkan daripada kilang kerana MCO.

PEMBUATAN LOGAM ASAS



Nilai jualan berkurangan sehingga 40%.

SEKTOR PERKHIDMATAN



JUALAN RUNCIT MAKANAN, MINUMAN DAN TEMBAKAU DI STOR PENGKHUSUSAN

Nilai hasil dilaporkan meningkat 25%.

Waktu beroperasi 7.00 pagi hingga 7.00 petang

JUALAN RUNCIT KELENGKAPAN INFORMASI DAN KOMUNIKASI DI STOR PENGKHUSUSAN



Nilai hasil berkurangan sehingga 50%.

PENUTUPAN OPERASI

PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS)



PKS berterusan mengalami kerugian yang tidak dapat dielakkan, menyebabkan lebih ramai akan kehilangan pekerja.



SARAWAK

SEKTOR PERKHIDMATAN



- Pusat tuisyen / tadika / pusat jagaan harian kanak-kanak melibatkan 700 syarikat ditutup.
- 370 syarikat Perkhidmatan Perundungan juga ditutup dan bantuan kewangan dari segi subsidi pembayaran gaji pekerja dalam kadar **50% ke 80%** sekiranya tempoh MCO dilanjutkan

PEMBINAAN



- Semua operasi dan kerja-kerja fizikal dihentikan semasa MCO.
- Kerja-kerja kritikal yang melibatkan aspek keselamatan pengguna jalan raya telah diberikan pengecualian

INDUSTRI PERKAYUAN, PERKILANGAN PAPAN DAN AKTIVITI PERLADANGAN HUTAN

Masih dibenarkan untuk beroperasi dengan pekerja yang minimum.